

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MAJLIS PENUH KALI KE-612
BIL. 6/2025 PADA 25 JUN 2025**

1. UCAPAN PENGHARGAAN SEMPENA PERTUKARAN PEGAWAI

Berkuatkuasa 1 Julai 2025 Puan TPr. Nurvanida Alisha binti Sinnappan akan bertukar ke Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang.

Bagi pihak seluruh warga MBSP, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Puan TPr. Nurvanida Alisha binti Sinnappan atas segala jasa, komitmen, dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang bertugas bersama MBSP selama lima (5) tahun.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di sini, Puan TPr. Nurvanida Alisha binti Sinnappan telah menunjukkan semangat kerja yang tinggi, profesionalisme dan semangat berpasukan yang amat kami hargai. Sumbangan beliau amat bermakna dalam memperkuuhkan organisasi dan meninggalkan kesan yang positif dalam kalangan rakan sekerja.

Walaupun MBSP merasa kehilangan atas perpindahan ini, saya juga mendoakan agar beliau terus cemerlang dan sukses di tempat

baharu. Semoga pertukaran ini menjadi langkah yang lebih baik dalam perjalanan kerjaya beliau.

Selamat maju jaya dan teruskan kecemerlangan di agensi baharu Puan TPr. Nurvanida Alisha binti Sinnappan. Semoga hubungan silaturrahim yang terjalin selama ini akan terus berkekalan.

2. MAJLIS PELUNCURAN SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2025 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Sambutan Hari Landskap Negara merupakan acara tahunan yang diraikan di seluruh negara sebagai usaha meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam pemeliharaan, pemuliharaan, serta pembangunan landskap yang lestari dan beridentiti.

Bagi tahun 2025, MBSP akan menjadi tuan rumah untuk Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang. Sehubungan itu, satu (1) Majlis Peluncuran Sambutan Hari Landskap Negara 2025 Peringkat Negeri Pulau Pinang akan diadakan pada 12 Julai 2025 jam 9.00 pagi bertempat di Vision Park, Seberang Perai Utara. Salah satu inisiatif utama yang diketengahkan dalam sambutan ini ialah penanaman pokok pinang/palma secara menyeluruh di laluan utama seluruh Seberang Perai sebagai simbolik yang turut melibatkan penyertaan daripada pelbagai agensi dalam negeri.

Pihak berkuasa tempatan di Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan turut terlibat dalam menjayakan program penanaman ini. Tumpuan akan diberikan kepada kawasan-kawasan strategik seperti laluan utama, kawasan tumpuan awam, dan taman-taman rekreasi sebagai lokasi penanaman pokok pinang/palma.

Langkah ini bukan sahaja bertujuan untuk memperindah kawasan sekitar, malah juga merupakan satu (1) strategi penjenamaan semula Negeri Pulau Pinang sebagai negeri berlandskap hijau, beridentiti tropika dan mampan. Menariknya, peluncuran program penanaman pokok ini turut mengambil inspirasi dan bersempena dengan Perasmian Sambutan Hari Landskap Negara 2025 peringkat kebangsaan yang akan berlangsung di Pasir Gudang, Johor pada 26 Jun 2025.

Oleh itu, program ini dilihat sebagai kesinambungan kepada usaha bersepadu di peringkat nasional bagi memperkuuh nilai estetika dan kelestarian persekitaran.

Diharapkan pelaksanaan program ini menjadi titik tolak kepada landskap negeri yang lebih segar dan identiti yang lebih terserlah, malah dapat memupuk rasa tanggungjawab dan cintakan alam sekitar dalam kalangan rakyat Pulau Pinang.

3. PENGANJURAN FESTIVAL PENANG2030 X HARI WARISAN SEBERANG PERAI 2025

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Tech Dome Penang dan Penang Green Council akan menganjurkan Festival Penang2030 X Hari Warisan Seberang Perai 2025 pada 12 Julai 2025 (Sabtu) di Kampung Agong, Penaga, Seberang Perai Utara bermula dari jam 2.00 petang hingga 8.00 malam. Penganjuran edisi kali ini menandakan sejarah tersendiri apabila Festival Penang2030 buat julung kalinya diadakan di kawasan Seberang Perai, digabungkan dengan sambutan Hari Warisan Seberang Perai. Dwi-festival ini diadakan untuk merai dan melestarikan warisan budaya Seberang Perai untuk komuniti menghayati kekayaan nilai warisan tradisi tanpa meninggalkan kemajuan teknologi secara seimbang.

Pelbagai pengisian menarik bakal dibawakan terus kepada komuniti seperti aktiviti pendidikan & interaktif STEM, pertandingan pakaian tradisional kanak-kanak, bengkel batik, pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan sukan rakyat, pameran-pameran daripada Agensi Kerajaan, pemeriksaan kesihatan percuma dah banyak lagi. Penganjuran ini merupakan sebahagian usaha memperkuuh Visi Penang2030, berlandaskan pembangunan negeri yang pintar, hijau dan berteraskan keluarga. Tahun ini juga menandakan ulang tahun ke-7 sejak visi ini diperkenalkan pada 2018. Semua *stakeholder* dan seluruh warga Seberang Perai amnya dan Negeri Pulau Pinang khasnya adalah dijemput hadir untuk

memeriahkan Festival Penang2030 X Hari Warisan Seberang Perai 2025.

4. PELARASAN CUKAI TAKSIRAN DALAM BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA BAGI TAHUN 2025

Adalah dimaklumkan bahawa Nilai Tahunan, Kadar Peratus dan Cukai Taksiran baharu yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2025 telah dipaparkan dalam Bil Cukai Taksiran Setengah Tahun Kedua Tahun 2025, yang mana amaun ini telah disahkan dalam Majlis Penuh MBSP Kali Ke-606 Bil.12/2024 yang telah diadakan pada 20 Disember 2024.

Untuk makluman semua pembayar cukai juga, Bil Cukai Taksiran Bagi Setengah Tahun Pertama Tahun 2025 yang telah dikeluarkan sekitar bulan November tahun 2024 masih memaparkan amaun Nilai Tahunan, Kadar Peratus dan Cukai Taksiran Setahun yang sama seperti pada Bil Cukai Taksiran Tahun 2024.

Bil cukai taksiran juga boleh disemak di laman web MBSP iaitu <https://esemak.mbsp.gov.my>.

Sebarang pertanyaan lanjut (jika ada) berkaitan pelarasian cukai taksiran bolehlah menghubungi pegawai di talian seperti berikut:-

- i. **Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta** : **04-5497493/494/495**
- ii. **Jabatan Perpendaharaan** : **04-5497464/468**
- iii. **E-mel** : **pen@mbsp.gov.my**

5. PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL KEDUA 2025 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI

Adalah dimaklumkan bahawa **PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL KEDUA 2025 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI** akan bermula pada **1 Julai 2025 hingga 31 Ogos 2025**. Promosi ini diadakan khas kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun 2025 berserta tunggakan (jika ada) melalui **saluran online, kiosk dan agensi kutipan yang telah dilantik sahaja**.

MBSP telah menyediakan sebanyak **30 hadiah cabutan bertuah berbentuk wang tunai seperti berikut:** -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	Wang Tunai RM5,555
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM4,000
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-5	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-6 hingga Ke-30	Pelbagai Hadiah Wang Tunai Yang Lain

ASPIRE Seberang Perai juga telah sudi untuk menaja **tiga (3) hadiah cabutan bertuah** kepada pemilik premis yang membuat bayaran melalui aplikasi **ASPIRE Seberang Perai, ASPIRE Web Portal atau ASPIRE Smart Cashless Kiosk**. Tajaan hadiah berkenaan adalah seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	3 gm gold bar
Tempat Ke-2	2 gm gold bar
Tempat Ke-3	1 gm gold bar

Saya dengan ini menyeru kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2025 berserta tunggakan (jika ada) bagi melayakkan anda dalam cabutan bertuah dan berpeluang memenangi hadiah utama wang tunai RM5,555.

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web MBSP <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbsp.gov.my.

6. HARI ULANGTAHUN PENGISYTIHARAN TAPAK WARISAN DUNIA

Pada tarikh 7 Julai setiap tahun, merupakan hari memperingati Hari Warisan George Town iaitu tarikh bersejarah ketika bandar ini diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008. Pengiktirafan ini bukan sekadar penghormatan antarabangsa, tetapi juga satu amanah besar untuk kita semua dalam memelihara, memperkasa dan merakyatkan nilai-nilai warisan yang ada di bandaraya kita.

Warisan bukan hanya tentang bangunan lama atau lokasi bersejarah, tetapi juga merangkumi budaya, bahasa, makanan, dan cara hidup masyarakat pelbagai kaum yang menjadikan bandar kita unik dan istimewa. Sebagai pentadbir bandar, kita bertanggungjawab memastikan bahawa pembangunan fizikal sentiasa bergerak seiring dengan pemuliharaan warisan dan identiti komuniti.

Saya berharap agar kita semua, termasuk jabatan dan agensi berkaitan, terus memberi komitmen dalam memupuk kesedaran warisan, memperkasakan penglibatan masyarakat, dan menyokong inisiatif yang menjadikan George Town malah Seberang Perai juga bukan sahaja bandar warisan dunia — tetapi bandar hidup yang berbudaya dan berdaya huni.

7. SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KE 84 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Bersempena dengan 12 Julai yang bakal tiba, saya ingin mengambil kesempatan ini bagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun Ke-84 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang merupakan lambang perpaduan, kestabilan dan keharmonian negeri yang kita cintai ini. Kepimpinan beliau yang tenang, berwibawa dan sentiasa mendukung prinsip pentadbiran yang adil amat kami hargai dan sanjungi.

Marilah kita bersama-sama mendoakan agar Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah serta seisi keluarga sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik, umur yang panjang dan Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib terus diberi kekuatan dan kebijaksanaan dalam memimpin dan menaungi negeri Pulau Pinang ke arah yang lebih maju, makmur dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.